



**IBU PEJABAT,
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT,
MALAYSIA,
LEBUH WAWASAN, PRESINT 7,
62250 PUTRAJAYA.**

Telefon : 603-88880036
Faks : 603-88880840
Laman Web : www.bomba.gov.my
E-mail : korporat@bomba.gov.my

Ruj Tuan :
Ruj Kami : JBPM/IP/KOR:100-2/1 (36)
Tarikh : 11 Mac 2014

KENYATAAN MEDIA

PUTRAJAYA 11 Mac 2014 - Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sekali lagi menggesa masyarakat agar lebih perihatin terhadap situasi pembakaran terbuka dan belukar yang sedang melanda negara. Pemantauan jabatan bagi tempoh 1 hb – 11 hb Mac 2014, mendapati sebanyak 7,202 kes panggilan kecemasan telah diterima. Daripada jumlah tersebut, 6,463 (89.74%) kes panggilan kebakaran dan 5,256 (87.32%) melibatkan kebakaran belukar. Ini bermakna, lebih kurang 500 panggilan kebakaran belukar diterima setiap hari.

“CEPAT DAN MESRA”



**CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO: AR 5037**

Oleh itu, ketua-ketua masyarakat dan ketua-ketua institusi keagamaan serta institusi pendidikan digesa melakukan khidmat nasihat terhadap kesan negatif yang dihasilkan kepada indeks kualiti udara negara. Dalam negara menghadapi krisis kehilangan MH 370, kerjasama semua pihak diperlukan untuk usaha-usaha pencegahan dan penguatkuasaan dapat dilakukan segera.

Jabatan juga perlu memberikan perhatian terhadap panggilan kecemasan kebakaran struktur, kemalangan jalanraya dan lain-lain.

Perhatikanlah Terhadap Indeks Kualiti Udara Negara.

Dikeluarkan oleh :

SOBBERI BIN BASIRAN
Penolong Ketua Pengarah
Bahagian Pengurusan Korporat
Ibu Pejabat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Sobberi-64.bomba@1govuc.gov.my